

# WPKL memberangsangkan

KUALA LUMPUR - Keputusan SPM bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) tahun 2013 mencatatkan pencapaian terbaik dalam tempoh 10 tahun.

Pengarah Jabatan Pendidikan WPKL, Abdullah Mad Yunus berkata, ia berdasarkan peningkatan sebanyak 0.16 gred purata negeri (GPN) iaitu 4.55 berbanding 4.71 tahun sebelumnya.

Menurutnya, seramai 994 daripada 20,095 calon memperoleh gred A dalam semua mata pelajaran berbanding 914 calon tahun 2012.

"Kesetruhanya, calon yang lulus semua mata pelajaran juga meningkat apabila 12,823 direkodkan bagi tahun 2013 berbanding 12,475 calon pada 2012.

"Pelajar Sekolah Menengah (L) Methodist, Pattrick Chong Jin Hua calon paling cemerlang bagi WPKL apabila mencapai keputusan cemerlang tertinggi dalam 11 mata pelajaran yang diambil," katanya pada sidang media, semalam.



Abdullah (tengah) menunjukkan keputusan SPM 2013 bagi WPKL, semalam.

Sementara empat sekolah direkodkan memperoleh pencapaian cemerlang iaitu Sains Alam Shah Kuala Lumpur, mencatatkan 120 pelajar memperoleh semua A, Sains Selangor (41), Sains Seri Puteri (63) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki (53).

Sementara itu, tiga daripada 84 calon berkeperluan khas memperoleh keputusan cemerlang berdasarkan 'National Key Result Area' (NKRA)

sekolah iaitu 0 hingga 225.

"Dua pelajar Sekolah Menengah Pendidikan Khas Setapak yang mengalami masalah penglihatan, iaitu Azree Feekree Zamzuri, 17, (buta) dan Nur Hidayah Mohd Rosmadi, 17, (rabun) memperoleh 8A.

"Seorang lagi pelajar dari SMK Taman Tun Dr Ismail, Muhammad Irfan Mohamed Johari yang mengalami masalah disleksia, memperoleh 4A, 4B," katanya.

STYAR HARIAN

21/3/2014